

23 JUL 2001

PM RASMI EKSPLO KONVO KE-14 UUM 30 OGOS INI

SINTOK, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan ekspo konvokesyen ke-14 Universiti Utara Malaysia (UUM) di kompleks sukan universiti itu pada 30 Ogos ini.

Ekspo selama lima hari itu yang bermula 29 Ogos adalah bagi meraikan para graduan yang menerima ijazah dan keluarga mereka di samping memperkenalkan dan mempromosi UUM kepada masyarakat.

Menurut kenyataan Penolong Pengarah Unit Perhubungan Pelajar UUM, Mohamad Anizam Ariffin, ekspo konvokesyen itu bertema "Graduan Berprakarsa Pemangkin Dasawarsa Gemilang" bermaksud graduan yang beriltizam dan berinisiatif sebagai pemangkin kepada dekad yang lebih gemilang, selaras dengan misi dan visi UUM untuk menjadi universiti bertaraf dunia menjelang 2005.

Katanya, pelbagai aktiviti telah dirancang sempena ekspo itu antaranya pertandingan memancing, tarik tali, persembahan kebudayaan, malam ambang merdeka, larian merdeka, pertandingan kucing comel, go-kart, gerai eksponiaga dan pameran oleh agensi kerajaan dan swasta.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai ekspo konvokesyen itu boleh menghubungi Urusetia Ekspo melalui telefon 04-9283219/3212 (Mohd Anizam) atau 04-9285850 (Helmy) atau faks 04-7003229.

-- BERNAMA

ZA JM RI